

**SENSITIVITI DAN KOMPETENSI KEPELBAGAIAN BUDAYA DALAM
KALANGAN GURU PELBAGAI ETNIK DI SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN DI MALAYSIA**

oleh

YASMIN BINTI AHMAD

**Tesis yang diserahkan bagi memenuhi keperluan Ijazah
Doktor Falsafah**

DISEMBER 2014

PENGHARGAAN

Segala puji kehadiran Allah S.W.T yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Berkat keizinan, limpah kurniaNya, memberikan hidayah, segenap kekuatan dan pertolongan sehingga dapat menyempurnakan amanah untuk melengkapkan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak ternilai kepada penyelia utama iaitu Dr. Najeemah Mohd Yusof atas tunjuk ajar, dorongan, dan bimbingan dengan meneliti perkembangan penyelidikan sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini yang tidak ternilai harganya. Rakaman penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada penyelia bersama Prof. Madya Dr. Hazri Jamil, semua pensyarah dan semua kakitangan bukan akademik Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan yang memberi sokongan dan membantu dalam semua aspek semasa proses menyiapkan tesis ini.

Rakaman setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah membiayai pengajian di peringkat ini dan Universiti Sains Malaysia kerana membiayai penyelidikan ini melalui Geran Penyelidikan Siswazah Universiti Penyelidikan (RU-PRGS). Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada semua pakar yang terlibat dalam menilai instrumen kajian ini.

Sekalung budi untuk Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perak serta semua Pengetua, guru dan murid sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Penghargaan istimewa dihulurkan kepada teman-teman seperjuangan yang banyak membantu tanpa mengira waktu dalam menyelesaikan tesis ini.

Akhir sekali kepada seluruh keluarga terutama Ibunda Salina Ch'ng Binti Abdullah, Ayahanda Ahmad Bin Hamid, suami tercinta sebagai sumber inspirasi Dr. Said Amirul Anwar Bin Ab Hamid @ Ab Majid, permata hati Amin Faris Bin Said Amirul Anwar dan Almira Falisha Binti Said Amirul Anwar yang sentiasa sabar,

memahami dan berkorban selama pengajian ini. Tidak lupa kepada seluruh ahli keluarga yang banyak berkorban selama ini untuk menjaga anak, berkongsi masalah dan mendoakan kejayaan sepanjang tempoh pengajian ini.

Akhir sekali kepada semua yang terlibat dalam penyelidikan ini akan sentiasa dihargai dan diingati, diucapkan terima kasih di atas jasa kalian.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
ABSTRAK	xix
ABSTRACT	xxi
1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Kepelbagaian Masyarakat di Malaysia	2
1.3 Latar Belakang Kajian	6
1.4 Pernyataan Masalah	10
1.5 Objektif Kajian	16
1.6 Soalan Kajian	17
1.7 Hipotesis Kajian	18
1.8 Signifikan Kajian	21
1.8.1 Guru	22
1.8.2 Pentadbir Sekolah	22
1.8.3 Kementerian Pelajaran Malaysia	22
1.8.4 Institut Pengajian Tinggi dan Institut Pendidikan Guru	23
1.9 Definisi Operasional	23
1.9.1 Budaya	23

1.9.2	Kepelbagaian Budaya	24
1.9.3	Sensitiviti terhadap Kepelbagaian Budaya	24
1.9.4	Kompetensi Budaya	25
1.9.4.1	Kesedaran Budaya	25
1.9.4.2	Pengetahuan Budaya	26
1.9.4.3	Sikap Terhadap Kepelbagaian Budaya	26
1.9.4.4	Kemahiran Budaya	27
1.9.5	Etnosentrisme	27
1.9.6	Etnorelativisme	27
1.9.7	Persekitaran Sekolah Pelbagai Etnik	28
1.9.8	Sekolah Menengah Kebangsaan	28
1.9.9	Etnik	28
1.9.10	Tahap Pendidikan	29
1.9.11	Bidang Pengajaran	29
1.9.12	Pengalaman Mengajar	29
1.9.13	Pengalaman Mengajar Murid yang Pelbagai Etnik dan Budaya	29
1.9.14	Kursus atau Latihan Kepelbagaian Budaya	30
1.10	Batasan Kajian	30
1.11	Kesimpulan	32
2	TINJAUAN BACAAN DAN KAJIAN BERKAITAN	33
2.1	Pendahuluan	33
2.2	Pendidikan di Malaysia	34
2.3	Pendidikan Dalam Masyarakat Yang Pelbagai	36

2.3.1	Sekolah Rendah Kebangsaan.	37
2.3.2	Sekolah Menengah Kebangsaan.	37
2.4	Persekitaran Sekolah	38
2.5	Persekitaran Sekolah Multietnik	39
2.6	Budaya	39
2.7	Kepelbagaian Budaya	42
2.8	Model Kepelbagaian Budaya	44
2.9	Etnosentrisme	46
2.9.1	Kajian-Kajian Lepas Berkenaan Etnosentrisme	49
2.9.2	Dapatan Kajian-Kajian Lepas Etnosentrisme Berdasarkan Faktor Demografi	52
2.10	Sensitiviti Kepelbagaian Budaya	54
2.10.1	Kajian-Kajian Lepas Berkenaan Sensitiviti Kepelbagaian Budaya dalam Kalangan guru	56
2.10.2	Dapatan Kajian-Kajian Lepas Sensitiviti Kepelbagaian Budaya Dalam Kalangan Guru Berdasarkan Faktor Demografi	58
2.11	Kompetensi Budaya	60
2.11.1	Kesedaran Budaya	66
2.11.2	Pengetahuan Budaya	70
2.11.3	Sikap Terhadap Kepelbagaian Budaya	71
2.11.4	Kemahiran Budaya	72
2.12	Kajian-Kajian Lepas Berkenaan Kompetensi Budaya dalam Kalangan Guru	73
2.12.1	Dapatan Kajian-Kajian Lepas Kompetensi Kepelbagaian Budaya dalam Kalangan Guru Berdasarkan Faktor Demografi	75
2.13	Peranan Pentadbir dalam Mewujudkan Sekolah yang Kompeten Terhadap Budaya	77

2.14	Peranan Guru Terhadap Kepelbagaian Budaya di Sekolah	78
2.15	Jurang Dalam Tinjauan Literatur	81
2.16	Teori dan Model yang Berkaitan secara umum dengan Sensitiviti Kepelbagaian Budaya dan Kompetensi Budaya	86
2.16.1	Teori Sistem Ekologi	86
2.16.2	Meta-Teori Tindakan Manusia	86
2.16.3	Teori Identiti Budaya	87
2.16.4	<i>Iceberg Theory</i>	88
2.17	Teori dan Model yang Berkaitan dengan Sensitiviti Kepelbagaian Budaya	90
2.17.1	Model Pembinaan Sensitiviti antara Budaya	90
2.18	Teori dan Model yang Berkaitan dengan Kompetensi Budaya	92
2.18.1	<i>Iceberg Model</i>	92
2.18.2	Model Kompetensi Budaya	94
2.18.3	Model Tiga Faktor (<i>Three-Factor Model</i>)	96
2.18.4	Teori Tindakan Munasabah (<i>Theory of Reasoned Action</i>)	97
2.19	Kerangka Teoritikal Kajian	98
2.20	Kerangka Konseptual Kajian	103
2.21	Kesimpulan	105
3	KAEDAH PENYELIDIKAN	107
3.1	Pendahuluan	107
3.2	Rekabentuk Kajian	107
3.2.1	Kaedah Kuantitatif	109
3.2.2	Kaedah Kualitatif	110
3.3	Kawasan Dan Populasi Kajian	111

3.3.1	Populasi Guru	112
3.4	Sampel Kajian Kuantitatif	113
3.4.1	Sampel Guru	113
3.5	Sampel Kajian Kaedah Kualitatif	115
3.5.1	Sampel Kajian Pengetua Sekolah	116
3.5.2	Sampel Guru	116
3.5.3	Sampel Murid	117
3.6	Pemboleh ubah Kajian Bersandar Dan Tidak Bersandar	119
3.7	Instrumen Kajian	120
3.7.1	Kaedah Kuantitatif	120
3.7.2	Terjemahan Soal Selidik	121
3.7.3	Soal Selidik	122
3.7.3.1	Soal Selidik Latar Belakang Responden	124
3.7.3.2	Soal Selidik Persekitaran Sekolah Pelbagai Etnik	124
3.7.3.3	Soal Selidik Sensitiviti Kepelbagaian Budaya dalam Konteks Interaksi Guru Murid	125
3.7.3.4	Soal Selidik Etnosentrisme	125
3.7.3.5	Soal Selidik Kesedaran Budaya	126
3.7.3.6	Soal Selidik Pengetahuan Budaya	126
3.7.3.7	Soal Selidik Sikap Terhadap Kepelbagaian Budaya	127
3.7.3.8	Soal Selidik Kemahiran Budaya	127
3.8	Kesahan Kandungan Berdasarkan Penilaian Pakar	127
3.9	Keputusan Penilaian Kesahan Kandungan	129
3.9.1	Keputusan Penilaian Kesahan Kandungan Soal Selidik	129

3.10	Kaedah Kualitatif	130
3.10.1	Temu bual Pengetua	131
3.10.2	Temu bual Dengan Guru	131
3.10.3	Temu bual Dengan Kumpulan Fokus Murid	132
3.11	Prosedur Kajian	132
3.12	Kajian Rintis	134
3.12.1	Kajian Rintis Ke Atas Soal Selidik	134
3.12.1.1	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Soal Selidik	135
3.12.2	Kajian Rintis Ke Atas Soalan Temu bual	135
3.13	Kaedah Dan Prosedur Analisis Data	136
3.13.1	Kaedah dan Prosedur Analisis Data Kuantitatif	137
3.13.1.1	Analisis Statistik Deskriptif	137
3.13.1.2	Analisis Statistik Inferens	137
3.14	Kaedah dan Prosedur Analisis Data Kualitatif	140
3.15	Pelan Tindakan Kajian	141
3.16	Kesimpulan	141
4	ANALISIS DAPATAN KAJIAN	142
4.1	Pendahuluan	142
4.2	Penapisan Data	143
4.3	Analisis Faktor	144
4.3.1	Interkolerasi antara Pemboleh ubah Kajian	150
4.4	Kadar Respon	151
4.5	Analisis Deskriptif	152

4.5.1	Latar Belakang Responden Kajian	152
4.5.2	Analisis Soalan Kajian (1)	155
4.6	Analisis Inferens	162
4.6.1	Analisis Soalan Kajian (2)	162
4.6.2	Analisis Soalan Kajian (3)	173
4.6.3	Analisis Soalan Kajian (4)	185
4.7	Rumusan Dapatan Kuantitatif	191
4.8	Analisis Kualitatif	193
4.8.1	Analisis Soalan Kajian (5)	193
4.8.2	Analisis Soalan Kajian (6)	200
4.8.3	Analisis Soalan Kajian (7)	204
4.9	Rumusan Dapatan Kualitatif	208
4.10	Kesimpulan	209
5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	211
5.1	Pendahuluan	211
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	211
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	215
5.3.1	Perbincangan Soalan Kajian (1)	215
5.3.2	Perbincangan Soalan Kajian (2)	220
5.3.3	Perbincangan Soalan Kajian (3)	224
5.3.4	Perbincangan Soalan Kajian (4)	228
5.3.5	Perbincangan Soalan Kajian (5)	229
5.3.6	Perbincangan Soalan Kajian (6)	231
5.3.7	Perbincangan Soalan Kajian (7)	233

5.4	Implikasi Kajian	236
5.4.1	Implikasi Teori	236
5.4.2	Implikasi Praktikal	239
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	240
5.6	Kesimpulan	241
RUJUKAN		243
LAMPIRAN A		264
LAMPIRAN B		279
LAMPIRAN C		295
LAMPIRAN D		300
LAMPIRAN E		301
LAMPIRAN F		312
LAMPIRAN G		313
LAMPIRAN H		314

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	<i>Jumlah Penduduk Malaysia pada Tahun 1980, 1991, 2000 dan 2010.</i>	4
Jadual 1.2	<i>Jumlah Penduduk Malaysia Mengikut Etnik 2010</i>	4
Jadual 2.1	<i>Aplikasi Teori kepada Pemboleh ubah Kajian</i>	101
Jadual 3.1	<i>Populasi Guru Berdasarkan Negeri, Jantina dan Tahap Kelulusan</i>	112
Jadual 3.2	<i>Bilangan Sekolah yang akan Terlibat Mengikut Negeri</i>	115
Jadual 3.3	<i>Bilangan Kumpulan Fokus Murid</i>	118
Jadual 3.4	<i>Pemboleh ubah Kajian</i>	119
Jadual 3.5	<i>Huraian Pembentukan Soalan Soal Selidik Guru</i>	122
Jadual 3.6	<i>Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Item Soal Selidik</i>	135
Jadual 3.7	<i>Tatacara Pemprosesan Data</i>	138
Jadual 4.1	<i>KMO dan Barlett's Test</i>	146
Jadual 4.2	<i>Keputusan Analisis Faktor Pemutaran Faktor Sensitiviti dan Kompetensi Kepelbagaian Budaya dalam Kalangan Guru Pelbagai Etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia</i>	146
Jadual 4.3	<i>Interkolerasi Faktor Sensitiviti dan Kompetensi Kepelbagaian Budaya dalam Kalangan Guru</i>	150
Jadual 4.4	<i>Frekuensi dan Peratus Ciri-ciri Guru</i>	152
Jadual 4.5	<i>Sensitiviti Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Etnik</i>	155
Jadual 4.6	<i>Sensitiviti Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Jantina</i>	156
Jadual 4.7	<i>Sensitiviti Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Tahap Pendidikan</i>	156
Jadual 4.8	<i>Sensitiviti Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Bidang Pengajaran</i>	157
Jadual 4.9	<i>Sensitiviti Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar</i>	157

Jadual 4.10	<i>Sensitiviti Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar Murid Pelbagai Etnik dan Budaya</i>	157
Jadual 4.11	<i>Sensitiviti Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Kursus atau Latihan Kepelbagaian Budaya yang Pernah dihadiri oleh Guru</i>	158
Jadual 4.12	<i>Kompetensi Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Etnik</i>	158
Jadual 4.13	<i>Kompetensi Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Jantina</i>	159
Jadual 4.14	<i>Kompetensi Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Tahap Pendidikan</i>	159
Jadual 4.15	<i>Kompetensi Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Bidang Pengajaran</i>	160
Jadual 4.16	<i>Kompetensi Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar</i>	160
Jadual 4.17	<i>Kompetensi Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar Murid Pelbagai Etnik dan Budaya</i>	160
Jadual 4.18	<i>Kompetensi Kepelbagaian Budaya Berdasarkan Kursus atau Latihan Kepelbagaian Budaya yang Pernah dihadiri oleh Guru</i>	161
Jadual 4.19	<i>Multivariate Test Sensitiviti dan Kompetensi Berdasarkan Etnik</i>	162
Jadual 4.20	<i>Levene's Test of Equality of Error Variances^a Sensitiviti dan Kompetensi Berdasarkan Etnik</i>	163
Jadual 4.21	<i>Tests of Between-Subjects Effects Sensitiviti dan Kompetensi Berdasarkan Etnik</i>	163
Jadual 4.22	<i>Estimated Marginal Means Sensitiviti dan Kompetensi Berdasarkan Etnik</i>	164
Jadual 4.23	<i>Multivariate Tests^a Sensitiviti dan Kompetensi Berdasarkan Jantina</i>	165
Jadual 4.24	<i>Levene's Test of Equality of Error Variances^a Sensitiviti dan Kompetensi Berdasarkan Jantina</i>	165
Jadual 4.25	<i>Tests of Between-Subjects Effects Sensitiviti dan Kompetensi Berdasarkan Jantina</i>	166
Jadual 4.26	<i>Estimated Marginal Means Sensitiviti dan Kompetensi Berdasarkan Jantina</i>	167
Jadual 4.27	<i>Multivariate Tests^a Sensitiviti dan Kompetensi Berdasarkan Tahap Pendidikan</i>	168

Jadual 4.28	<i>Multivariate Tests Sensitiviti dan Kompetensi Berdasarkan Bidang Pengajaran</i>	169
Jadual 4.29	<i>Multivariate Tests^a Sensitiviti dan Kompetensi Berdasarkan Pengalaman Mengajar</i>	170
Jadual 4.30	<i>Multivariate Tests^a Sensitiviti dan Kompetensi Berdasarkan Pengalaman Mengajar Murid yang Pelbagai Etnik dan Budaya</i>	171
Jadual 4.31	<i>Multivariate Tests^a Sensitiviti dan Kompetensi Berdasarkan Kursus atau Latihan Kepelbagaian Budaya yang Pernah dihadiri Oleh Guru</i>	172
Jadual 4.32	<i>Multivariate Tests Kesedaran, Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Budaya Berdasarkan Etnik</i>	173
Jadual 4.33	<i>Levene's Test of Equality of Error Variances^a Kesedaran, Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Budaya Berdasarkan Etnik</i>	174
Jadual 4.34	<i>Tests of Between-Subjects Effects Kesedaran, Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Budaya Berdasarkan Etnik</i>	174
Jadual 4.35	<i>Estimated Marginal Means Kesedaran, Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Budaya Berdasarkan Etnik</i>	175
Jadual 4.36	<i>Multivariate Tests^a Kesedaran, Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Budaya Berdasarkan Jantina</i>	177
Jadual 4.37	<i>Levene's Test of Equality of Error Variances^a Kesedaran, Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Budaya Berdasarkan Jantina</i>	177
Jadual 4.38	<i>Tests of Between-Subjects Effects Kesedaran, Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Budaya Berdasarkan Jantina</i>	178
Jadual 4.39	<i>Estimated Marginal Means Kesedaran, Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Budaya Berdasarkan Jantina</i>	179
Jadual 4.40	<i>Multivariate Tests^a Kesedaran, Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Budaya Berdasarkan Tahap Pendidikan</i>	180
Jadual 4.41	<i>Multivariate Tests^a Kesedaran, Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Budaya Berdasarkan Bidang Pengajaran</i>	181
Jadual 4.42	<i>Multivariate Tests^a Kesedaran, Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Budaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar</i>	182
Jadual 4.43	<i>Multivariate Tests^a Kesedaran, Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Budaya Berdasarkan Pengalaman Mengajar Murid yang Pelbagai Etnik dan Budaya</i>	183

Jadual 4.44	<i>Multivariate Tests^a Kesedaran, Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Budaya Berdasarkan Kursus atau Latihan Kepelbagaian Budaya yang Pernah dihadiri oleh Guru</i>	184
Jadual 4.45	<i>Model Summary^b Peramal Sensitiviti Kepelbagaian Budaya</i>	185
Jadual 4.46	<i>ANOVA^a Peramal Sensitiviti Kepelbagaian Budaya</i>	185
Jadual 4.47	<i>Coefficients^a Peramal Sensitiviti Kepelbagaian Budaya</i>	186
Jadual 4.48	<i>Excluded Variables^a Peramal Sensitiviti Kepelbagaian Budaya</i>	186
Jadual 4.49	<i>Model Summary^c Peramal Kompetensi Kepelbagaian Budaya</i>	188
Jadual 4.50	<i>ANOVA^a Peramal Kompetensi Kepelbagaian Budaya</i>	189
Jadual 4.51	<i>Coefficients^a Peramal Kompetensi Kepelbagaian Budaya</i>	189
Jadual 4.52	<i>Excluded Variables^a Peramal Kompetensi Kepelbagaian Budaya</i>	190
Jadual 4.53	<i>Rumusan Dapatan Kuantitatif</i>	191
Jadual 4.54	<i>Ringkasan Dapatan Temu bual Kumpulan Fokus Murid Berkenaan Sensitiviti Kepelbagaian Budaya dalam Kalangan Guru</i>	195
Jadual 4.55	<i>Ringkasan Dapatan Temu bual Kumpulan Fokus Murid Berkenaan Kompetensi Kepelbagaian Budaya dalam Kalangan Guru</i>	199
Jadual 4.56	<i>Ringkasan Dapatan Temu bual Guru dan Pentadbir Sekolah Berkenaan Cabaran dalam Amalan Sensitiviti dan Kompetensi Kepelbagaian Budaya dalam Kalangan Guru</i>	203
Jadual 4.57	<i>Ringkasan Dapatan Temu bual Guru dan Pentadbir Sekolah Berkenaan Pendekatan dalam Amalan Sensitiviti dan Kompetensi Kepelbagaian Budaya dalam Kalangan Guru</i>	207

SENARAI RAJAH

<i>Rajah 2.1</i>	Model Kepelbagaian Budaya	44
<i>Rajah 2.2</i>	Model Pembinaan Sensitiviti Antara Budaya	90
<i>Rajah 2.3</i>	<i>Iceberg Model</i>	93
<i>Rajah 2.4</i>	Kerangka Teoritikal Kajian	98
<i>Rajah 2.5</i>	Kerangka Konseptual Kajian	104
<i>Rajah 3.1</i>	Reka bentuk Kajian	108

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis Of Variance</i>
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
CDAI	<i>Cultural Diversity Awareness Inventory</i>
DMIS	<i>Development Model of Intercultural Sensitivity</i>
G	Guru
GENE	<i>Generalized Ethnocentrism Scale</i>
GTP	<i>Government Transformation Programme</i>
IDI	<i>Intercultural Development Inventory</i>
IPPTN	Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara
KITA	Institut Kajian Etnik
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MAKSS Form T	<i>Multicultural Awareness-Knowledge- Skills Survey- Teacher Form</i>
MANOVA	<i>Multivariate Analysis Of Variance</i>
NCATE	<i>National Center for Cultural Competence</i>
P1	Murid
PK	Penolong Kanan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PS	Pengetua Sekolah
R	Responden
S1	Sekolah 1
S2	Sekolah 2

S3	Sekolah 3
S4	Sekolah 4
S5	Sekolah 5
S6	Sekolah 6
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SJK(C)	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJK(T)	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
TMAS	<i>Multicultural Attitude Survey</i>

SENSITIVITI DAN KOMPETENSI KEPELBAGAIAN BUDAYA DALAM KALANGAN GURU PELBAGAI ETNIK DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI MALAYSIA

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru pelbagai etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. Kajian ini juga turut mengkaji sama ada persekitaran sekolah yang terdiri daripada murid pelbagai etnik dan etnosentrisme merupakan peramal kepada sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru. Sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru juga dikenal pasti berdasarkan pandangan murid. Cabaran dan pendekatan dalam amalan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya turut dikenal pasti melalui kajian ini. Aspek kompetensi kepelbagaian budaya yang dikaji dalam kajian ini adalah kesedaran budaya, pengetahuan budaya, sikap terhadap kepelbagaian budaya dan kemahiran budaya. Dua kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Seramai 514 orang guru di negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perak terlibat dalam menjawab soal selidik kajian ini. Kaedah kualitatif iaitu temu bual melibatkan 6 orang guru dan 6 orang pentadbir sekolah dalam sesi temu bual kajian ini. Sebanyak 6 kumpulan fokus dengan setiap kumpulan terdiri daripada 5 orang murid dari 6 sekolah terlibat dalam kajian ini. Data kuantitatif dianalisis dengan menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics 22* bagi menguji hipotesis kajian menggunakan MANOVA sehala, dan Regresi Pelbagai. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi sensitiviti dan

kompetensi kepelbagaian budaya berdasarkan etnik dan jantina guru. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek kompetensi kepelbagaian budaya iaitu kesedaran budaya, pengetahuan budaya, sikap terhadap kepelbagaian budaya dan kemahiran budaya berdasarkan etnik dan jantina guru. Persekitaran sekolah yang terdiri daripada murid pelbagai etnik merupakan peramal kepada sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya. Manakala, etnosentrisme merupakan peramal kepada kompetensi kepelbagaian budaya. Dapatan kajian kualitatif menunjukkan bahawa murid-murid menyatakan secara keseluruhannya, tahap sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru adalah sederhana. Cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengamalkan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya adalah pengalaman yang kurang terhadap kepelbagaian budaya. Pendedahan yang lewat terhadap kepelbagaian budaya juga merupakan cabaran bagi guru untuk menerima dan menyesuaikan diri di dalam persekitaran sekolah yang pelbagai etnik. Pendekatan dalam meningkatkan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya adalah dengan menganjurkan kursus berkenaan kepelbagaian budaya. Pentadbir sekolah juga mencadangkan supaya kerajaan membentuk satu dasar yang lebih terbuka dan lebih baik berkenaan sistem pendidikan di Malaysia supaya guru mempunyai sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya yang tinggi untuk mengajar murid yang pelbagai etnik dan budaya. Pendedahan awal terhadap kepelbagaian budaya juga adalah merupakan salah satu pendekatan yang dicadangkan oleh pentadbir sekolah dan guru untuk meningkatkan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya terutama ketika Latihan Mengajar supaya dapat memberi pendedahan kepada bakal guru untuk mengajar murid yang pelbagai etnik dan budaya.

MULTICULTURAL SENSITIVITY AND COMPETENCY AMONG MULTIETHNIC TEACHERS AT NATIONAL SECONDARY SCHOOL IN MALAYSIA

ABSTRACT

This study aims to identify multicultural sensitivity and competency among multiethnic teachers at National Secondary School in Malaysia. This study also examines whether the school environment consisting of students from various ethnic and ethnocentrism are predictors of multicultural sensitivity and competency among teachers. Multicultural sensitivity and competency among teachers were also identified based on the views of pupils. Challenges and approaches in practicing multicultural sensitivity and competency were also identified through this study. Aspects of multicultural competency studied in this research are cultural awareness, cultural knowledge, attitudes toward cultural diversity and cultural skills. Quantitative and qualitative data collection methods were used in this study. There were 514 teachers in the state of Kedah, Penang and Perak have involved in answering the questionnaire in this study. In the qualitative method, the interview sessions involved 6 teachers and 6 administrators. A total of 6 focus groups with each group consisting of 5 students from 6 schools participated in this study. Quantitative data were analyzed using IBM SPSS Statistics 22 for hypotheses testing using one-way MANOVA and Multiple Regression. The findings of this study demonstrated that there are significant difference in multicultural sensitivity and competency based on ethnicity and gender of the teacher. The results also indicated that there are significant differences in the aspect of cultural competency which is

cultural awareness, cultural knowledge, attitude toward cultural diversity and cultural skill. The multiethnic school environment was found to be a predictor for multicultural sensitivity and competency. Meanwhile, ethnocentrism was found to be a predictor for multicultural competency. Based on qualitative findings through students' expression, the overall level of multicultural sensitivity and competency among teachers was at a moderate level. The challenges faced by teachers in practicing the multicultural sensitivity and competency is the lack of experience towards cultural diversity. A late exposure to cultural diversity makes it difficult for teachers to accept and adapt in a multiethnic school environment. Therefore, in order to improve the multicultural sensitivity and competency, courses on cultural diversity should be organized. School administrators also recommended that the government develop a more open and better policy for education system in Malaysia in order to equip teachers with a higher multicultural sensitivity and competency for teaching students from diverse ethnic and cultural groups. An early exposure to cultural diversity was also one of the approaches proposed by school administrators and teachers in order to increase the multicultural sensitivity and competency, especially during teaching practicum.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kepelbagaian budaya menjadi cabaran yang besar kepada murid dan pendidik (Rohaty Mohd. Majzub, Salasiah Hashim & Elis Johannes H.S, 2011). Kefahaman mengenai budaya etnik lain adalah sangat penting dan kefahaman ini boleh membantu untuk mengekalkan kestabilan dalam masyarakat (Abd Rahim Hamdan, Mohd Najib Ghafar & Anis Ayuni Che Ghani, 2010). Kehidupan dalam masyarakat yang pelbagai budaya memerlukan tahap kefahaman dan sikap hormat-menghormati yang tinggi. Dalam konteks ini, satu cara yang terbaik untuk mencapai kefahaman dan saling hormat-menghormati adalah melalui pendidikan (Abd Rahim Hamdan, Mohd Najib Ghafar & Anis Ayuni Che Ghani, 2010). Namun, isu perkauman yang mengancam perpaduan dan keharmonian negara masih berlaku (Rohaty Mohd. Majzub, Salasiah Hashim & Elis Johannes H.S, 2011).

Dengan bilangan 410,000 orang guru, Malaysia merupakan satu daripada sistem pendidikan yang mempunyai nisbah murid-guru paling kecil di dunia (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025). Hampir dua pertiga daripada keseluruhan guru berada pada umur bawah 40 tahun (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025). Implikasinya, hampir 60% daripada guru kini akan mengajar dalam tempoh 20 tahun akan datang, manakala 50% daripada guru pula akan terus berkhidmat sehingga 30 tahun akan datang (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025). Dari segi komposisi demografi, profesion perguruan tidak mencerminkan

populasi penduduk Malaysia khususnya dari segi bilangan guru lelaki dan komposisi etnik minoriti (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025).

Kompetensi budaya dalam kalangan guru menjadi semakin penting sebagai sebahagian sistem penyampaian kurikulum pendidikan (Leighton, 2009). Selaras dengan peningkatan populasi murid, guru perlu mengaplikasi amalan kompetensi budaya dalam pembinaan rancangan pengajaran dan pembelajaran, pembinaan penilaian dan interpretasi, interaksi harian dengan murid serta keseluruhan persekitaran bilik darjah (Leighton, 2009).

Perubahan sistem pendidikan yang memfokuskan kepada amalan kompetensi budaya adalah dengan harapan memberi faedah kepada guru dan murid (Leighton, 2009). Oleh yang demikian kajian ini adalah penting bagi mengenal pasti sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru bagi membantu pihak kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia untuk merangka program bagi meningkatkan profesionalisme dalam kalangan guru terutamanya dari aspek kepelbagaian budaya di Malaysia.

1.2 Kepelbagaian Masyarakat Di Malaysia

Masyarakat majmuk di Malaysia dibentuk daripada banyak kumpulan etnik, setiap kumpulan etnik mempunyai budaya dan warisan yang unik seperti bahasa, sistem kepercayaan, tradisi dan agama (Ramlee Mustapha et al., 2009). Corak gaya hidup kumpulan etnik yang berbeza ini mempunyai kaitan secara langsung dengan perbezaan dalam nilai dan ekspektasi (Syed Serajul Islam, 2008). Perkembangan sejarah telah memperlihatkan kemunculan masyarakat majmuk yang mempunyai pelbagai budaya yang berbeza. Faktor sejarah seperti migrasi buruh asing dan dasar pentadbiran British di Tanah Melayu telah menghasilkan pola masyarakat majmuk

seperti yang ada di negara ini. Perbezaan dan kepelbagaian budaya, keturunan, etnik, agama dan kepercayaan adalah identiti budaya majmuk masyarakat di negara ini (Hazri Jamil, 2002).

Namun, selain daripada memberi fokus hanya kepada potensi perbezaan dan perselisihan faham, seharusnya masyarakat Malaysia yang terdiri dari pelbagai agama dan budaya dijadikan sebagai satu kelebihan (GTP, 2010). Mewujudkan kesatuan dan perpaduan dalam sesebuah negara yang terdiri daripada masyarakat yang pelbagai budaya merupakan suatu perkara yang mencabar. Sesebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk telah melaksanakan konsep asimilasi sepenuhnya untuk membentuk sebuah identiti kebangsaan tunggal secara paksaan. Sebaliknya, Malaysia telah memilih jalan yang berbeza iaitu perpaduan dalam kepelbagaian dan keterangkuman (inklusif) dan pada masa yang sama, memastikan kesaksamaan untuk semua rakyat. Konsep yang diperkukuhkan dalam Perlembagaan membawa maksud bahawa masyarakat menerima kepelbagaian etnik, agama dan kepercayaan, dan dengan ciri keterangkuman, serta harus membina rasa saling hormat-menghormati dan saling menerima sebagai sebuah asas kepada kepercayaan dan kesepaduan yang kukuh (GTP, 2010).

Berdasarkan kepada Banci Penduduk dan Perumahan 2010, jumlah penduduk Malaysia adalah sebanyak 28.3 juta pada tahun 2010. Peningkatan jumlah penduduk membawa bersama peningkatan komposisi etnik di Malaysia. Peningkatan jumlah penduduk Malaysia adalah seperti dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1

Jumlah Penduduk Malaysia pada Tahun 1980, 1991, 2000 dan 2010.

Tahun	Bilangan Penduduk (Juta)
1980	13.7
1991	18.4
2000	23.3
2010	28.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2010)

Berdasarkan kepada Jadual 1.1, Banci 2010 menunjukkan jumlah penduduk Malaysia adalah sebanyak 28.3 juta berbanding 23.3 juta pada tahun 2000. Jumlah penduduk Malaysia didapati semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai ciri masyarakat majmuk. Etnik Melayu, Cina dan India sebagai kumpulan etnik yang utama di Malaysia. Jumlah penduduk Malaysia berdasarkan banci penduduk dan perumahan Malaysia 2010 adalah sebanyak 28.3 juta yang merangkumi 91.8 peratus warganegara dan 8.2 peratus bukan warganegara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Jumlah penduduk Malaysia mengikut etnik pada tahun 2010 adalah seperti dalam Jadual 1.2;

Jadual 1.2

Jumlah Penduduk Malaysia Mengikut Etnik 2010.

Etnik	Bilangan Penduduk (Juta)
Melayu	14,191,720
Bumiputera lain	3,331,788
Cina	6,392,636
India	1,907,827
Lain-lain	189,385
Bukan Warganegara	2,320,779
Jumlah	28,334,135

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2010)

Berdasarkan Jadual 1.2, jumlah penduduk Malaysia yang terdiri daripada warganegara adalah sebanyak 26,013,356. Jumlah penduduk Malaysia yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India adalah sebanyak 22,492,183. Kajian ini hanya akan melibatkan responden dari kalangan etnik Melayu, Cina dan India sahaja kerana etnik Melayu, Cina dan India merupakan kumpulan etnik utama di semenanjung Malaysia.

Warganegara Malaysia terdiri daripada kumpulan etnik Bumiputera adalah sebanyak (67.4%), Cina (24.6%), India (7.3%) dan Lain-lain (0.7%). Dalam kalangan warganegara Malaysia, Melayu merupakan kumpulan etnik utama di Semenanjung Malaysia iaitu 63.1 peratus. Iban mencatatkan 30.3 peratus daripada jumlah keseluruhan warganegara di Sarawak, manakala Kadazan/Dusun merekodkan sebanyak 24.5 peratus di Sabah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Kenyataan demografi mengenai penduduk pelbagai etnik di Malaysia ini sebenarnya tidak dapat menggambarkan secara menyeluruh betapa kompleks dan rumitnya perbezaan etnik yang wujud (Abdul Halim Ramli, 2009) kerana selain daripada perbezaan demografi mengikut kaum, terdapat perbezaan dalam sosioekonomi, politik, kebudayaan, agama dan lain-lain. Walaupun terdapat pelbagai kumpulan etnik di Malaysia, namun kajian ini hanya memfokuskan kepada 3 kumpulan etnik utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India.

Daripada peratusan berikut, jumlah penduduk Malaysia dalam lingkungan umur bersekolah iaitu dari umur 5 hingga 19 tahun bagi etnik Melayu, Cina dan India adalah sebanyak 6, 577, 364 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010) iaitu dari peringkat pendidikan prasekolah hingga ke tingkatan 6 atas. Daripada jumlah berikut, etnik Melayu adalah seramai 4,496,904. Etnik Cina adalah seramai 1,558,004 dan etnik India adalah seramai 522,456. Oleh sebab murid menghabiskan lebih satu per empat

daripada masa mereka di sekolah semasa mereka berusia tujuh hingga 17 tahun (Ekshibit 2-2), maka sekolah merupakan tempat untuk memupuk perpaduan. Melalui interaksi dengan individu dari pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama dan etnik murid belajar memahami, menerima dan menghargai kepelbagaian. Maka perkongsian nilai dan pengalaman dapat dibina untuk masa depan Malaysia (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025).

Oleh yang demikian, adalah penting bagi seseorang guru untuk mempunyai sensitiviti kepelbagaian budaya dan kompetensi budaya yang tinggi bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar tanpa mengira perbezaan latar belakang murid yang pelbagai etnik (Bayles, 2009).

1.3 Latar Belakang Kajian

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2012-2025), kerajaan akan mengekalkan struktur sistem pendidikan di Malaysia pada masa kini, khususnya bagi SJK yang menggunakan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Ibu bapa mempunyai pilihan sama ada untuk menghantar anak mereka ke SK atau SJK. Selepas tamat sekolah rendah, semua murid daripada pelbagai jenis sekolah akan digabungkan apabila mereka memasuki SMK. Keputusan ini selari dengan pandangan majoriti dalam Dialog Nasional Pendidikan Negara (2012). Walaupun keseluruhan sistem pendidikan di Malaysia memperlihatkan kepelbagaian, terdapat sekolah pilihan tertentu yang memperlihatkan persekitaran etnik yang seragam. Sebagai contoh, pada peringkat sekolah rendah, 86% enrolmen di SK ialah murid Melayu, 86% enrolmen di SJK(C) ialah murid Cina, dan 96% enrolmen di SJK(T) ialah murid India. Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian yang signifikan (contohnya, SK di bandar terdapat enrolmen murid daripada pelbagai kaum), keadaan ini juga berlaku di sekolah

jenis yang lain.(Ekshibit 7-13). Keadaan ini bertambah baik apabila murid daripada sekolah rendah yang berbeza bergabung di SMK. Walau bagaimanapun, enrolmen murid satu kaum di sekolah pilihan tertentu masih wujud pada peringkat menengah, seperti di SMKA (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025). Oleh yang demikian, guru terutamanya di Sekolah Menengah Kebangsaan perlu memikul cabaran yang besar untuk menggalakkan murid-murid yang datang daripada persekitaran sekolah yang mempunyai komposisi etnik yang seragam supaya dapat berinteraksi sosial merentasi kepelbagaian etnik dan budaya yang wujud di dalam kelas.

Melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2010, kerajaan berhasrat untuk menyediakan guru supaya lebih mempunyai pengetahuan, daya kesedaran dan kemahiran yang seterusnya akan menjadikan mereka sensitif terhadap latar belakang murid yang berbeza dan menangani perhubungan dengan kaedah yang positif dan proaktif.

Badan pengiktirafan bagi program pendidikan guru seperti *National Council for Accreditation of Teacher Education* juga menekankan piawaian kepelbagaian dan kepentingan dalam menyediakan guru untuk menjadi kompeten terhadap budaya dalam persekitaran kerja yang melibatkan populasi murid yang pelbagai (He,2013). Oleh yang demikian, kajian ini berlandaskan kepada tujuan untuk mengenal pasti sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru di Sekolah Menengah Kebangsaan yang terdiri daripada murid pelbagai etnik di Malaysia pada masa kini.

Data sedia ada menunjukkan kepelbagaian guru di Sekolah Kebangsaan semakin menurun (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025). Berdasarkan Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2012-2025), pada

tahun 2001, 78% guru di semua sekolah ialah bumiputera dan bilangan ini meningkat kepada 81% pada tahun 2011. Walaupun populasi guru India kekal pada 5%, bilangan guru Cina di Sekolah Kebangsaan menurun daripada 17% kepada 14%. Bilangan guru dalam kategori lain-lain kekal hampir pada 0%. Data ini menunjukkan populasi guru di sekolah kebangsaan semakin kurang pelbagai dan kurang mewakili populasi nasional (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025). Oleh yang demikian, adalah menjadi kebiasaan bagi murid-murid pada peringkat sekolah rendah berdasarkan pilihan sekolah etnik masing-masing belajar dalam persekitaran yang terdiri daripada murid dan guru yang majoritinya adalah berasal daripada latar belakang etnik yang sama dengan diri mereka. Situasi ini berbeza apabila murid-murid memasuki Sekolah Menengah di mana murid daripada persekitaran sekolah yang terdiri daripada murid yang sama etnik bergabung dalam persekitaran sekolah yang pelbagai etnik dan budaya sewaktu di Sekolah Menengah.

Realiti abad ke-21 memerlukan sekolah memberi respon secara efektif dan sepatutnya kepada kumpulan yang pelbagai etnik dan budaya di sekolah dan keseluruhan komuniti sekolah serta menyediakan pelajar bagi mewujudkan interaksi yang positif dengan individu yang berbeza budaya (Banks, 2008). Sekolah boleh memainkan peranan yang penting dalam pembangunan masyarakat pelbagai budaya (Elmeroth, 2009). Sekolah juga mempunyai tanggungjawab untuk memerangi prejudis dan perkauman (Elmeroth, 2009).

Kerajaan merancang menggunakan pendidikan sebagai salah satu alat untuk menggalakkan perpaduan dalam kalangan kumpulan etnik yang pelbagai, namun setelah hampir 4 dekad selepas peristiwa 13 May 1969, hubungan etnik dalam kalangan kumpulan etnik utama di Malaysia masih kekal berpolarisasi dalam semua tahap dan sektor di negara ini (Ramlee Mustapha et al., 2009). Adalah penting untuk

menekankan nilai kepelbagaian etnik dan perpaduan nasional (Abd Rahim Hamdan, Mohd Najib Ghafar & Anis Ayuni Che Ghani, 2010). Justeru, terdapat keperluan terhadap usaha yang berterusan dan inisiatif baru untuk menggalakkan integrasi dalam sistem pendidikan formal (GTP, 2010).

Penerimaan terhadap keterangkuman, berbanding dengan negara pelbagai etnik dan agama yang lain, telah berupaya untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian yang relatif. Walau bagaimanapun, ada pada masanya pandangan yang berbeza dan perbezaan dari sudut persepsi dan interpretasi menimbulkan konflik. Perbezaan ini diburukkan lagi apabila isu perbalahan melibatkan agama, bahasa dan budaya yang kesemuanya boleh menjadi amat emosional dan sensitif. Oleh yang demikian, cabaran mengekalkan keharmonian dan perpaduan kekal jelas dan relevan. Justeru, wujud keperluan untuk terus mengingatkan diri setiap ahli masyarakat tentang cabaran itu dan terus memperbaharui serta memupuk rasa kesatuan dan penyatuan matlamat (GTP, 2010).

Terdapat pelbagai usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan yang berkaitan dengan isu pendidikan serta masyarakat yang pelbagai etnik dan budaya. Antaranya adalah Program Transformasi Kerajaan, pelan hala tuju adalah salah satu usaha kerajaan yang menjelaskan berkenaan tindakan yang akan dijalankan oleh kerajaan terutamanya yang memfokuskan kepada kesatuan dalam kepelbagaian masyarakat di Malaysia. Sejumlah langkah yang berkaitan dengan isu pendidikan serta masyarakat pelbagai etnik dan budaya telah dilaksanakan dan akan ditambah dengan idea baru yang kebanyakannya akan memberi peluang yang lebih besar bagi murid pelbagai etnik dan budaya untuk berinteraksi sosial sesama mereka (GTP, 2010).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2012-2025) terutamanya yang berkaitan dengan isu etnik dan kepelbagaian budaya menggariskan tindakan yang akan

diambil oleh kerajaan bagi mentranformasikan pendidikan di Malaysia supaya menjadi antara pendidikan yang terbaik di dunia. Antara perkara yang akan dilakukan adalah memupuk perpaduan dalam kalangan murid sama ada seseorang murid tersebut berada di sekolah yang terdiri daripada murid yang sama etnik atau sekolah yang terdiri daripada murid yang berlainan etnik. Kerajaan juga berhasrat untuk menyediakan guru supaya mempunyai pengetahuan, kesedaran dan kemahiran yang akan menjadikan guru lebih sensitif terhadap latar belakang murid yang pelbagai etnik dan budaya (GTP, 2010).

Oleh yang demikian, kajian sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan dalam usaha menghasilkan guru yang mempunyai pengetahuan, kesedaran dan kemahiran serta menjadikan guru yang lebih sensitif terhadap kepelbagaian latar belakang murid. Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru iaitu kesedaran, pengetahuan, sikap terhadap kepelbagaian budaya murid dan kemahiran budaya dalam kalangan guru dapat dikenal pasti bagi memastikan setiap program yang dirancang oleh pihak Kerajaan dan Kementerian Pendidikan Malaysia dapat dijalankan dengan berkesan.

1.4 Penyataan Masalah

Dengan perubahan landskap dalam persekitaran pendidikan, guru berhadapan dengan peningkatan kompleksiti dalam pengajaran bagi menyediakan murid dalam dunia globalisasi pada masa kini (He, 2013).

Pelbagai pilihan persekolahan mewujudkan persekitaran etnik yang homogen (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025). Sesuatu yang amat penting bagi kepelbagaian masyarakat adalah apabila sekolah dapat menyediakan peluang bagi

murid sekolah di Malaysia hidup dan belajar bersama murid lain daripada setiap kumpulan etnik, agama, dan budaya (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025). Terdapat tanda-tanda peningkatan stratifikasi etnik di sekolah iaitu lebih ramai murid India dan Cina yang mendaftar di sekolah jenis kebangsaan pada hari ini berbanding dengan keadaan 10 tahun yang lalu (Ekshibit 3-30) (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025). Kadar murid Cina yang mendaftar di SJK(C) meningkat daripada 92% pada tahun 2000 kepada 96% pada tahun 2011 (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025). Perubahan murid India adalah lebih mendadak yang menunjukkan peningkatan daripada 47% kepada 56% enrolmen di SJK(T). Seramai 94% murid di SK kini ialah Bumiputera (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025). Ini menunjukkan terdapat risiko pengurangan kepelbagaian dan percampuran antara kumpulan etnik merentasi semua jenis sekolah, yang seterusnya mengurangkan keupayaan sekolah untuk memupuk perpaduan dengan berkesan melalui interaksi antara etnik (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025).

“Bagi golongan muda Malaysia, membesar hingga remaja terhad dalam persekitaran sosiobudaya etnik yang tertentu merupakan perkara yang lumrah, sama ada mereka itu orang Melayu, Cina atau India. Ini berlaku sebahagiannya kerana halangan yang dicetuskan dengan ketara oleh bahasa dan tradisi agama yang berbeza, dan sebahagiannya lagi disebabkan kumpulan etnik yang berbeza tinggal di lokasi fizikal yang terpisah.... Kesudahan natijah daripada semua ini adalah menebalnya halangan yang mewujudkan pengasingan dan pemisahan etnik pada peringkat individu.”
(Shamsul Amri Baharuddin, 2009)

Pengasingan dan pemisahan etnik juga boleh berlaku pada peringkat kumpulan dan komuniti. Malah, dorongan ke arah komuniti sosio-budaya dan komuniti agama yang amat berbeza untuk terpisah lebih jauh dan bukannya menjadi lebih hampir, terus menjadi semakin jelas pada hari ini, walaupun setelah 52 tahun kemerdekaan dicapai (GTP, 2010).

Murid sekolah rendah merentasi semua opsyen berada dalam persekitaran yang amat homogen (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025). Keadaan ini menjadi cabaran yang besar untuk memberi pendedahan kepada murid tentang kepelbagaian budaya dalam masyarakat (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025). Keadaan ini juga menyebabkan kesukaran untuk membina rasa hormat terhadap kepelbagaian, iaitu unsur kritikal untuk membina perpaduan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025).

Namun demikian, terdapat penumpuan bagi murid dari pelbagai persekitaran sekolah yang homogen apabila memasuki Sekolah Menengah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025). Kebanyakan murid daripada pelbagai jenis sekolah rendah meneruskan pengajian di Sekolah Menengah Kebangsaan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012-2025). Guru seharusnya dijangka untuk mempemerkan kompetensi professional yang akan membolehkan mereka untuk bekerja dengan lebih efektif, dengan penuh respek dan secara beretika dengan murid sekolah yang mempunyai pelbagai latar belakang etnik dan budaya (Koyama, Plash & Davis, 2011-2012). Oleh yang demikian guru memainkan peranan yang penting bagi berhadapan dengan murid daripada pelbagai latar belakang budaya dan etnik bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.

Sikap perkauman merupakan cabaran utama untuk membentuk hubungan etnik yang harmoni di negara ini (Abdul Halim Ramli, 2009). Sikap perkauman juga wujud dalam bidang pendidikan terutamanya dalam kalangan guru yang menunjukkan sifat perkauman terhadap pelajar berlainan etnik yang pernah dilaporkan oleh akhbar tempatan.

Berdasarkan laporan akhbar Berita Harian (31 Mei 2013) seorang guru wanita dari Sekolah Menengah dekat Gelang Patah, Johor disiasat mengikut Akta Hasutan berikutan tindakannya mengeluarkan kenyataan berbaur perkauman. Menurut laporan akhbar tersebut, guru tersebut yang mengajar murid tingkatan 2 di sekolah berkenaan sering mengeluarkan kenyataan berunsur perkauman ketika mengajar.

Berdasarkan laporan akhbar The Star Online (26 September 2013) seorang penolong pengetua di sebuah Sekolah Menengah di Kajang di siasat atas dakwaan menegur sebahagian pelajarinya supaya “balik India, balik China”. Guru terbabit didakwa berang selepas sebahagian pelajar tidak turut serta menyanyikan lagu Negaraku semasa perhimpunan mingguan.

Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), Prof Madya Datuk Dr. Mohamad Ali Hasan mengecam tindakan guru-guru yang merasakan sesuatu yang boleh diterima dengan memberitahu para pelajar supaya pulang ke negeri asal nenek moyang mereka. Menurut Prof Madya Datuk Dr. Mohamad Ali Hasan lagi, guru-guru perlu dilatih semula untuk mempelajari tentang kelakuan yang sepatutnya diamalkan membabitkan guru dan pelajar. Beliau menegaskan bahawa guru-guru dan pendidik yang didapati mencetuskan isu perkauman dalam pendidikan seharusnya ingat tentang peranan mereka memberi panduan kepada pelajar (The Star Online, 26 September 2013).

Kejadian yang berlaku selepas beberapa insiden yang berbaur perkauman yang melibatkan beberapa sekolah termasuk kes pada Ogos 2013 apabila seorang pengetua sekolah di Shah Alam memohon maaf kepada para pelajar kerana memberitahu mereka supaya “balik ke India, China atau Indonesia” (The Star Online, 26 September 2013).

Berdasarkan laporan akhbar The Star (30 Ogos 2010) seorang guru di Pulau Pinang di dapati mengeluarkan kata-kata yang berunsur penghinaan kaum dan kata-kata kesat kepada pelajarnya kerana tidak memakai pakaian tradisional yang lengkap pada pra-sambutan Hari Kemerdekaan. Dakwaan pengetua bersikap perkauman di Johor dan Kedah juga turut dilaporkan (The Star, 30 Ogos 2010).

Sikap guru terhadap murid akan memberi kesan kepada perhubungan antara guru dengan murid dan seterusnya memberi kesan terhadap pengalaman pembelajaran dan pencapaian akademik murid (Koyama, Plash & Davis, 2011-2012).

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Hazri Jamil et al., (2004) mendapati bahawa guru tidak sensitif terhadap perasaan kumpulan murid minoriti. Berdasarkan dapatan temu bual yang dijalankan, murid melaporkan bahawa guru juga mengeluarkan kata-kata penghinaan berdasarkan etnik kepada para pelajar. Laporan mengenai salah laku yang dibuat oleh kumpulan pelajar majoriti juga tidak diambil tindakan oleh guru, ini menunjukkan bahawa guru mempunyai bias terhadap kumpulan pelajar minoriti (Hazri Jamil et al., 2004). Sensitiviti dan penghargaan terhadap budaya lain akan memberi kesan yang besar dan membantu seseorang individu untuk membina pemikiran yang etnorelatif dan meninggalkan pemikiran yang etnosentrik (Dong, Day & Collaco, 2008).

Cargile dan Bolkan (2013) menyatakan bahawa pendedahan terhadap kepelbagaian budaya dapat mengurangkan etnosentrisme. Namun menurut Cargile dan Bolkan (2013) juga, sehingga masa kini tidak diketahui sama ada pada masa yang sama pendedahan terhadap kepelbagaian budaya dapat meningkatkan tahap etnosentrisme di dalam kumpulan. Namun, menurut Dejaeghere, Hooghe & Claes (2012), kepelbagaian etnik di sekolah tidak mempunyai kesan yang signifikan terhadap etnosentrisme.

Stereotaip menghasilkan gambaran minda atau penilaian tentang individu atau budaya (Kyles & Olafson, 2008) yang mungkin tiada asas. Manusia kadang kala terlalu cepat menilai manusia, membuat andaian tentang sesuatu budaya, tradisi, nilai dan kepercayaan (Kyles & Olafson, 2008). Berdasarkan Manning dan Baruth (2009), kepercayaan yang bersifat stereotaip akan membentuk sesuatu yang menghalang atau memutuskan hubungan antara guru dan murid yang akan memberi kesan kepada pencapaian akademik murid. Nilai dan kepercayaan yang dipegang oleh seseorang guru mempengaruhi interaksi guru dengan murid yang pelbagai etnik dan budaya (Koyama, Plash & Davis, 2011-2012).

Dengan mengadaptasi cara yang lebih inovatif yang tidak hanya sekadar mempunyai kesedaran terhadap kepelbagaian budaya tetapi juga meraikan dan memaksimumkan kekuatan kepelbagaian dan aset yang dibawa oleh pelajar dan keluarga mereka, guru boleh mencabar pemikiran defisit yang meluas dan menyediakan secara sebenarnya persekitaran pendidikan yang responsif terhadap semua pelajar (He, 2013).

Oleh itu, guru perlu mempunyai dan meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan sikap sebagai langkah untuk lebih memahami dan mengajar murid yang bersifat kepelbagaian ini (Turner, 2007). Justeru pelbagai masalah yang timbul akibat daripada sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru, maka kajian ini dijalankan sebagai asas kajian berkenaan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru di Malaysia. Sama ada guru di Malaysia mempunyai sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya akan dikenal pasti dan dijelaskan dengan terperinci dalam kajian ini.

1.5 Objektif Kajian

Penyelidikan ini adalah berdasarkan kepada objektif berikut iaitu untuk;

1. Mengenal pasti tahap sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru berdasarkan ciri-ciri guru iaitu: etnik, jantina, tahap pendidikan, bidang pengajaran, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar murid yang pelbagai etnik dan budaya serta kursus atau latihan kepelbagaian budaya yang pernah dihadiri oleh guru.
2. Mengenal pasti perbezaan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru berdasarkan ciri-ciri guru iaitu: etnik, jantina, tahap pendidikan, bidang pengajaran, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar murid yang pelbagai etnik dan budaya serta kursus atau latihan kepelbagaian budaya yang pernah dihadiri oleh guru.
3. Mengenal pasti perbezaan kesedaran, pengetahuan, sikap dan kemahiran budaya dalam kalangan guru berdasarkan ciri-ciri guru iaitu: etnik, jantina, tahap pendidikan, bidang pengajaran, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar murid yang pelbagai etnik dan budaya serta kursus atau latihan kepelbagaian budaya yang pernah dihadiri oleh guru.
4. Mengenal pasti sama ada persekitaran sekolah yang pelbagai etnik dan etnosentrisme merupakan peramal kepada sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru.
5. Mengenal pasti sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru berdasarkan pandangan murid.

6. Mengenal pasti cabaran dalam amalan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru.
7. Mengenal pasti pendekatan dalam meningkatkan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru.

1.6 Soalan Kajian

Penyelidikan ini adalah untuk menjawab soalan kajian berikut;

1. Apakah tahap sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru berdasarkan ciri-ciri guru iaitu: etnik, jantina, tahap pendidikan, bidang pengajaran, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar murid yang pelbagai etnik dan budaya serta kursus atau latihan kepelbagaian budaya yang pernah dihadiri oleh guru.
2. Adakah terdapat perbezaan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru berdasarkan ciri-ciri guru iaitu: etnik, jantina, tahap pendidikan, bidang pengajaran, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar murid yang pelbagai etnik dan budaya serta kursus atau latihan kepelbagaian budaya yang pernah dihadiri oleh guru?
3. Adakah terdapat perbezaan kesedaran, pengetahuan, sikap dan kemahiran budaya dalam kalangan guru berdasarkan ciri-ciri guru iaitu: etnik, jantina, tahap pendidikan, bidang pengajaran, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar murid yang pelbagai etnik dan budaya serta kursus atau latihan kepelbagaian budaya yang pernah dihadiri oleh guru?

4. Adakah persekitaran sekolah yang pelbagai etnik dan etnosentrisme merupakan peramal kepada sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru?
5. Apakah sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru berdasarkan pandangan murid?
6. Apakah cabaran dalam amalan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru?
7. Apakah pendekatan dalam meningkatkan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru?

1.7 Hipotesis Kajian

Terdapat 16 hipotesis yang dibentuk berdasarkan kerangka konseptual kajian ini. Hipotesis-hipotesis ini dinyatakan dalam bentuk Hipotesis Nol pada tahap signifikan $\alpha = 0.05$ seperti berikut:

Ho1 hingga Ho 7 adalah berdasarkan kepada soalan kajian berikut;

2. Adakah terdapat perbezaan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru berdasarkan ciri-ciri guru iaitu: etnik, jantina, tahap pendidikan, bidang pengajaran, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar murid yang pelbagai etnik dan budaya serta kursus atau latihan kepelbagaian budaya yang pernah dihadiri oleh guru?

Ho1: Tidak terdapat perbezaan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru berdasarkan etnik.

- Ho2: Tidak terdapat perbezaan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru berdasarkan jantina.
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru berdasarkan tahap pendidikan.
- Ho4: Tidak terdapat perbezaan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru berdasarkan bidang pengajaran.
- Ho5: Tidak terdapat perbezaan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho6: Tidak terdapat perbezaan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru berdasarkan pengalaman mengajar murid yang pelbagai etnik dan budaya.
- Ho7: Tidak terdapat perbezaan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru berdasarkan kursus atau latihan kepelbagaian budaya yang pernah dihadiri oleh guru.

Ho8 hingga Ho14 adalah berdasarkan kepada soalan kajian berikut;

3. Adakah terdapat perbezaan kesedaran, pengetahuan, sikap dan kemahiran budaya dalam kalangan guru berdasarkan ciri-ciri guru iaitu: etnik, jantina, tahap pendidikan, bidang pengajaran, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar murid yang pelbagai etnik dan budaya serta kursus atau latihan kepelbagaian budaya yang pernah dihadiri oleh guru?

- Ho8: Tidak terdapat perbezaan kesedaran, pengetahuan, sikap dan kemahiran budaya dalam kalangan guru berdasarkan etnik.

- Ho9: Tidak terdapat perbezaan kesedaran, pengetahuan, sikap dan kemahiran budaya dalam kalangan guru berdasarkan jantina.
- Ho10: Tidak terdapat perbezaan kesedaran, pengetahuan, sikap dan kemahiran budaya dalam kalangan guru berdasarkan tahap pendidikan.
- Ho11: Tidak terdapat perbezaan kesedaran, pengetahuan, sikap dan kemahiran budaya dalam kalangan guru berdasarkan bidang pengajaran.
- Ho12: Tidak terdapat perbezaan kesedaran, pengetahuan, sikap dan kemahiran budaya dalam kalangan guru berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho13: Tidak terdapat perbezaan kesedaran, pengetahuan, sikap dan kemahiran budaya dalam kalangan guru berdasarkan pengalaman mengajar murid yang pelbagai etnik dan budaya.
- Ho14: Tidak terdapat perbezaan kesedaran, pengetahuan, sikap dan kemahiran budaya dalam kalangan guru berdasarkan kursus atau latihan kepelbagaian budaya yang pernah dihadiri oleh guru.

Ho15 dan Ho16 adalah berdasarkan kepada soalan kajian berikut;

4. Adakah persekitaran sekolah yang pelbagai etnik dan etnosentrisme merupakan peramal kepada sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru?

Ho15: Persekitaran sekolah yang pelbagai etnik dan etnosentrisme bukan merupakan peramal kepada sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru.

Ho16 Persekitaran sekolah yang pelbagai etnik dan etnosentrisme bukan merupakan peramal kepada kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru.

1.8 Signifikan Kajian

Melalui kajian ini, dapat dikenal pasti sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru di Malaysia. Kajian ini juga adalah selaras dengan hasrat kerajaan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2012-2025) yang bertujuan untuk menghasilkan guru yang mempunyai pengetahuan, kesedaran dan kemahiran yang seterusnya akan menjadikan mereka sensitif terhadap latar belakang murid yang berbeza dan menangani perhubungan dengan kaedah yang positif dan proaktif. Oleh yang demikian, hasil kajian ini dapat digunakan oleh pihak kerajaan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah dalam melaksanakan sebarang program untuk meningkatkan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru di Malaysia. Hasil kajian ini juga dapat memberi maklumat yang penting kepada Institut Pendidikan Guru dan Institut Pengajian Tinggi yang menawarkan kursus penguruan supaya dapat menyediakan bakal guru dengan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya sebagai asas yang kukuh untuk berhadapan dengan kepelbagaian etnik dan budaya yang wujud dalam kalangan murid.

1.8.1 Guru

Hasil kajian ini dapat memberi maklumat kepada guru tentang keperluan guru untuk menyediakan diri mereka agar menjadi seorang guru yang mempunyai sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya yang tinggi. Tahap sensitiviti kepelbagaian budaya dan kompetensi kepelbagaian budaya yang tinggi dalam kalangan guru akan memastikan proses pengajaran dan pembelajaran akan berlangsung dengan efektif tanpa mengambil kira latar belakang murid yang pelbagai etnik dan budaya.

1.8.2 Pentadbir Sekolah

Hasil kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak sekolah berkenaan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru. Sokongan pentadbir sekolah seperti melaksanakan program yang dapat meningkatkan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru pada peringkat sekolah dapat membantu dalam menyemai amalan dan meningkatkan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru.

1.8.3 Kementerian Pendidikan Malaysia

Hasil kajian ini diharap dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meneliti aspek-aspek yang perlu diberi perhatian bagi meningkatkan sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya dalam kalangan guru sama ada bagi guru di Sekolah Kebangsaan atau di Sekolah Menengah Kebangsaan. Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan panduan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merangka program dan kursus yang bersesuaian dalam usaha menyediakan guru supaya mempunyai tahap sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya yang tinggi.

1.8.4 Institut Pengajian Tinggi dan Institut Pendidikan Guru

Hasil kajian ini dapat dijadikan rujukan oleh Institut Pengajian Tinggi yang menawarkan kursus perguruan dan Institut Pendidikan Guru. Berdasarkan dapatan kajian ini, Institut Pengajian Tinggi dan Institut Pendidikan Guru dapat menjalankan penilaian terhadap program pendidikan guru yang sedia ada bagi mengemas kini serta menambah baik program pendidikan guru yang ditawarkan supaya dapat melahirkan generasi pendidik yang mempunyai tahap sensitiviti dan kompetensi kepelbagaian budaya yang tinggi.

1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Budaya

Budaya dianggap sebagai satu sistem yang merangkumi kepercayaan, nilai, norma, amalan, simbol dan idea (Parenti, 1969). Budaya boleh didefinisikan sebagai satu cara hidup yang diamalkan oleh kumpulan tertentu dan meliputi sistem sosial, susunan organisasi ekonomi, politik, agama, kepercayaan, adat resam, sikap dan nilai (Parenti, 1969; Shamsul Amri Baharuddin, 2007). Budaya juga diwarisi dari sesuatu keturunan kepada sesuatu keturunan. Oleh itu budaya dikatakan sebagai himpunan kelengkapan intelektual dan kebendaan yang dapat memenuhi kehendak biologi dan kemasyarakatan serta dapat menyesuaikan dengan keadaan sekeliling (Mohd Taib Osman, 1988; Shamsul Amri Baharuddin, 2007).

Berdasarkan konteks kajian ini, budaya etnik yang akan dikaji merangkumi budaya etnik Melayu, Cina dan India.

1.9.2 Kepelbagaian Budaya

Kepelbagaian budaya boleh diterjemahkan dalam julat yang lebih kecil iaitu memfokuskan secara spesifik kepada etnik (Gurin et al., 2002; Levin et al., 2003). Kepelbagaian budaya juga boleh diterjemahkan kepada maksud yang lebih meluas termasuk budaya, jantina, kelas, fizikal, kebolehan mental, orientasi seksual dan agama (Chang 2002; Pettigrew & Tropp, 2006; Stewart, 2008). Kepelbagaian budaya cuba untuk menggalakkan penghargaan kepada kepelbagaian dan peluang yang sama bagi semua individu melalui kefahaman tentang sumbangan dan perspektif individu yang berbeza etnik, budaya, bahasa, agama, jantina, orientasi seksual dan keupayaan serta ketidakupayaan fizikal (Ambigapathy Pandian, 2008). Berdasarkan konteks kajian ini, hanya kepelbagaian budaya dari segi etnik, budaya dan bahasa sahaja yang akan dikaji dalam kalangan kumpulan etnik utama di Malaysia iaitu etnik Melayu, Cina dan India.

1.9.3 Sensitiviti Kepelbagaian Budaya

Sensitiviti kepelbagaian budaya merujuk kepada keupayaan untuk melihat perbezaan dan membina pengalaman yang relevan terhadap perbezaan antara budaya (Hammer, Bennett & Wiseman, 2003). Menurut Hammer, Bennett & Wiseman (2003), sensitiviti terhadap kepelbagaian budaya yang tinggi adalah berkaitan dengan potensi yang tinggi untuk penerapan kompetensi budaya. Berdasarkan konteks kajian ini, sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru merujuk kepada keupayaan guru untuk melihat perbezaan dan membina pengalaman yang relevan terhadap perbezaan budaya antara guru dengan murid yang pelbagai etnik dan budaya dalam konteks interaksi guru murid.